

# JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) SERTA KERJASAMA STRATEGIK AGENSI ISLAM TERPILIH DALAM PENGURUSAN AKIDAH MELALUI PENDEKATAN AL-HISBAH DI MASA PENDEMIK DAN WABAK COVID 19 DI MALAYSIA

***DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA (JAKIM)  
AND STRATEGIC COOPERATION OF SELECTED ISLAMIC AGENCIES  
IN THE MANAGEMENT OF FAITH THROUGH THE AL-HISBAH  
APPROACH IN THE TIME OF PENDEMIC AND THE COVID 19  
OUTBREAK IN MALAYSIA***

**Sophian Rambli<sup>1</sup>**

**Engku Ahmad Zaki Engku Alwi<sup>2</sup>**

**Azaruddin Awang<sup>3</sup>**

**Azman Che Mat<sup>4</sup>**

**Ahmad Faizal Ramly<sup>5</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia,  
(E-mail: sopet77@gmail.com)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia,  
(Email: drkuzaki@unisza.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: azaru154@tganu.uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: azman531@tganu.uitm.edu.my)

<sup>5</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(Email: faizalramly@uitm.edu.my)

## Article history

**Received date** : 12-12-2021

**Revised date** : 13-12-2021

**Accepted date** : 15-2-2022

**Published date** : 15-3-2022

## To cite this document:

Rambli, S., Engku Alwi, E. A., Awang, A., Che Mat, A., & Ramly, A. F. (2022). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Serta Kerjasama Strategik Agensi Islam Terpilih dalam Pengurusan Akidah Melalui Pendekatan Al-Hisbah di Masa Pendemik dan Wabak Covid 19 Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43), 221 - 237.

**Abstrak:** Akidah sejahtera adalah merupakan asas dan prinsip yang harus dipertahankan dalam kehidupan umat Islam. Bahkan diurus dengan bijaksana dan komprehensif sama ada konsep dan amalannya dalam pegangan dan keyakinan agar menjadi benteng daripada penyimpangan dan penyelewangan yang merosakkan amalan dan ajaran Islam. Dan juga apapun keadaan melanda umat Islam seperti Artikel ini membincangkan dan mengkaji mengenai pengurusan akidah yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak sama ada kerajaan dan rakyat. Walaupun di Malaysia terdapat institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan agensi Islam terpilih seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti Negeri (JMN) dan

lain-lain tidak menggunakan istilah hisbah, akan tetapi intipati, pengamalan pelaksanaan serta fungsi-fungsi hisbah dilaksanakan dan diperlakukan oleh agensi-agensi Islam berkenaan. Pendekatan Hisbah tidak asing diamalkan dalam sejarah Islam mahupun pada ketika ini walaupun berbeza strategi, penjenamaan dan pendekatan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan seperti dokumen, buku-buku, kajian ilmiah dan sebagainya diperolehi menunjukkan bahawa institusi Islam seperti JAKIM berperanan dalam mengukuhkan pengurusan akidah khusus di masa pandemik dan Covid-19. Penulis mendapati hasil kajian bahawa peranan dan sumbangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi Islam terpilih di Malaysia seperti peringkat negeri Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri (JMN), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya mengukuhkan dan memperkasakan urus tadbir khusus dalam pengurusan akidah agar tetap terpelihara dan terjaga dari penyelewangan walaupun berhadapan dengan musibah dan wabak penyakit.

**Kata Kunci:** JAKIM, Pengurusan Akidah, Hisbah, Pendemik dan Covid 19

**Abstract:** Akidah or faith of belief, religious belief system, creed and Islamic theology is a foundation and principle that must be defended in the lives of Muslims. It is even managed wisely and comprehensively whether its concepts and practices are in the hold and conviction in order to be a bulwark against deviations and deviations that corrupt the practices and teachings of Islam. And whatever the situation befalls Muslims as this article discusses and studies on the management of the faith that needs to be given due attention by all parties whether the government and the people. Although in Malaysia there are institutions such as the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM), and selected Islamic agencies such as the State Islamic Religious Council (MAIN), State Islamic Religious Department (JAIN) and State Mufti Department (JMN) and others do not use the term hisbah, but the essence, the practice of implementation and the functions of hisbah are implemented and practiced by the Islamic agencies concerned. The Hisbah approach is no stranger to being practiced in Islamic history even at this time despite different strategies, branding and approaches. This study uses qualitative methods that is with interviews, observations and literature review such as documents, books, scholarly studies and so on obtained show that Islamic institutions such as JAKIM play a role in strengthening the management of specific beliefs in the time pandemic and Covid-19. The authors found that the role and contribution of the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) and selected Islamic agencies in Malaysia such as the state level Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), State Islamic Religious Department (JAIN), State Mufti Department (JMN), non-governmental organizations (NGOs) and so on to strengthen and empower specific governance in the management of the faith to remain protected and guarded from malpractice even in the face of disasters and disease outbreaks.

**Keywords:** JAKIM, Faith Management, Hisbah, pandemic and Covid-19

## Pendahuluan

Malaysia merupakan negara yang majoriti beragama Islam dan menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan sebagai acuan dalam menjalankan kehidupan sebagai muslim. Dalam mengurus dan mengatur sebuah negara, ianya diperlukan suatu badan atau institusi yang diamanahkan bagi memberi impak dan manfaat kepada seluruh masyarakat sesebuah negara tersebut. Sebagai sebuah Persekutuan, Malaysia mempunyai dua buah badan

perundangan iaitu di peringkat Negeri dan Persekutuan. Malaysia juga menjalankan dwi-sistem perundungan iaitu sivil dan syariah.

Oleh yang demikian terdapat taburan kuasa (*distribution of powers*) di antara Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, begitu juga mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Walaupun terdapat perbezaan antara badan-badan ini namun kesemuanya adalah tertakluk kepada perundangan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia. (Perkara 4 di dalam Perlembagaan Persekutuan) Undang-undang tertinggi itu juga memperuntukan Islam sebagai agama bagi persekutuan. Perkara 3 di dalam Perlembagaan Persekutuan) dalam memelihara Islam adalah tanggungjawab berpelembagaan bagi Yang Di Pertuan Agung. (Jadual ke-4 di dalam Perlembagaan Persekutuan). Dengan penubuhan awalnya iaitu bahagian hal ehwal Islam dibawah kerajaan Malaysia dan akhir penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjadi kelanjutan serta kelangsungan mengurus, mengawal, memimpin dan urus tadbir bagi hal ehwal Islam.

Dalam membincangkan pendekatan dan strategi bagi menjadikan umat Islam dapat mempertahankan agama Islam agar tetap terpelihara, sejak dahulu lagi pewarisan sistem yang komprehensif dalam mendepani isu dan cabaran yang kian meruncingkan jika tidak ditangani dengan bijaksana dan berhikmah. Justeru dalam makalah ini, penulis mencuba untuk mengetengahkan tinjauan awal untuk mencapai objektif kajian yang dilakukan. Konsep Hisbah dan pengamalannya telah terbukti berkesan dalam menangani hal ehwal Islam termasuk akidah Islam iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran perlu dinisbahkan semula dalam arus moden dan kontempori termasuk pengurusan isu-isu akidah dan pemikiran semasa umat Islam amnya dunia Islam keseluruhannya dan khususnya di Malaysia.

Hisbah berasal daripada perkataan Arab iaitu hasaba yang membawa maksud meneliti, mentadbir, menghitung, meninjau, mencegah dan menahan manusia. Manakala menurut syarak pula, sebagai amalan yang bertanggungjawab meninjau, mentadbir, menyelaras dan memastikan semua kerja seseorang mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar. (Mardzelah Makhsin, 2008). Ia juga selari dengan tuntutan al-Quran dan kehendak Allah SWT sebagaimana dalam firman-Nya yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyeru berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang berjaya.

(Surah Ali-Imran 3: 104)

Menurut sejarah, telah jelas, kemunculan Hisbah telah mula diperaktikkan oleh Nabi Muhammad SAW, zaman khulafa al-Rasyidin, Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Abbasiyah sehingga Kerajaan Turki Usmani. Dengan objektif yang jelas memikul tanggungjawab al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar. Selain itu, ia bertujuan untuk membentuk masyarakat yang berakhhlak mulia dalam menjalankan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Untuk tujuan tersebut pelaksanaan *al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar* ini dilakukan secara meluas akidah, akhlak, ibadah, akhlak, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, pentadbiran termasuk pengurusan akidah yang semesti diberi perhatian dan fokus agar agama Islam tetap terpelihara dan terjaga serta umat Islam menyakini dan berpegang kepada akidah yang benar berlandaskan ajaran Islam.

Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa peranan institusi Hisbah adalah fleksibel kerana ia mengikut keperluan negera (Mardzelah Makhsin, 2008: 79). Manakala menurut Ibnu Khaldun, peranan institusi Hisbah juga adalah sebagai penyelidik dan menyiasat mengenai perkara-perkara mungkar, mengenakan hukuman dan memberi pengajaran kepada mereka yang terlibat. (Mardzelah: 79). Selain daripada itu, Hisbah juga berperanan dalam mengurus sumber tenaga manusia dan memastikan kecekapan sektor awam terlaksana dengan baik dan berkesan. Antaranya:

- i. Penggunaan Tenaga Manusia
- ii. Kecekapan Sektor Awam

Dan juga di dalam institusi Hisbah terdapat peranan muhtasib (pelaksana dan penguatkuasa) juga melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah dan etika yang menyalahi hukum Islam. Antara bidang tugas muhtasib adalah seperti:

- i. Mengawal Perkara-perkara yang bersangkutan dengan ibadat
- ii. Mengawasi Perbuatan yang tidak bermoral

Manakala hubungkait dengan pengamalan hisbah sebagai mekanisme bagi mempraktikkan dalam hal ehwal Islam di Malaysia terutama dalam pengurusan akidah. Menurut Mohd Roslan Mohd Nor (2020), pemerkasaan institusi Islam di Malaysia sangat relevan memandangkan usia kemerdekaan iaitu ke 63 di tanah air negara Malaysia, sememangnya menjadi keperluan apatah lagi diperkuuhkan dengan sebuah negara Islam. Dan juga, menjadi keunikan dan keistimewaan Islam itu sendiri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Negara menjadi punca bidang kuasa bagi hal ehwal Islam. Seterusnya berkaitan dengan Covid-19 pula, JAKIM memainkan peranan sebagai saluran rasmi dan perdana dalam perkembangan semasa selari dan bergerak era IR 4.0 (era digital) (Mohd Roslan, 2020) dalam penyaluran maklumat mengenai hal ehwal Islam disamping pelaksanaan dan pemerkasaan di negeri-negeri Malaysia yang mempunyai bidang kuasa hal ehwal Islam negeri masing-masing. Kerjasama pintar dan strategik amat diperlukan iaitu bersama yang berautori seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memastikan maklumat yang sahih dalam isu-isu agama disampaikan kepada rakyat Malaysia boleh dipercayai.

### Kajian Literatur

Kajian berkenaan dengan amalan hisbah terhadap pengurusan isu-isu akidah tidak banyak dibincangkan dalam penelitian secara khususnya mengenai aspek pegangan akidah. Walaupun demikian terdapat beberapa kajian terdahulu menfokuskan beberapa aspek mengenai hisbah secara umum dan perspektif yang berbeza antaranya:

Kajian yang dilakukan oleh Syahrul Faizaz Abdullah (2003) iaitu Institusi Hisbah Dalam Sistem Islam, Suatu Kajian Mengenai Sejarah Dan Pelaksanaannya Di Direktorat Penguatkuasa DBKL menjelaskan bahawa Institusi Hisbah ini telah kehilangan fungsi dan kewibawaan akibat kejatuhan empayar Islam. Dan juga semakin dilupakan dalam dunia moden hari ini, peranannya telah dipecahkan dan di ambil alih oleh kementerian-kementerian dan institusi-institusi yang berbeza untuk melaksanakan tugas tersebut. Maka kajian ini menfokuskan peranan dan fungsi institusi hisbah dalam pelaksanaan mengawasi aspek-aspek perbandaran meliputi masyarakat Islam sehari-hari dalam bidang sosio-ekonomi, pentadbiran, kesihatan, pendidikan, kemudahan awam, aspek ibadah dan akidah Islam dalam tamadun Islam. Justeru, kajian ini juga membuat perbandingan pelaksanaan institusi penguatkuasaan undang-undang dalam sistem Pentadbiran Moden iaitu Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di mana melihat persamaan dan perbezaan di antara kedua institusi ini akan dikenal pasti, terutama fungsi,

bidang kuasa dan pegawai pelaksananya. Kajian ini membantu dalam aspek lain, dan tidak menfokuskan kepada aspek agama secara khusus iaitu pengukuhan dan pemerkasaan pegangan akidah di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Seterusnya kajian daripada Mardzelah Makshin (2008) iaitu membincangkan Hisbah sebagai Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Etika yang mana menjelaskan tentang aplikasi al-amr bi al-makruf wa al'nahu an al-munkar. Hisbah dilihat mempunyai keistimewaan mendidik masyarakat Islam sentiasa patuh perintah Allah SWT dengan berhati-hati, berwaspada, mempertikaikan setiap amalan yang mungkar. Dengan kata lain, ia memastikan pelaksanaan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya, telah dibentuk dalam suatu pendekatan dan strategi pengawasan, pengawalan serta penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan dalam bentuk Hisbah. Oleh itu, kesedaran sebagai umat Islam agar memahami Hisbah amat penting untuk mengetahui kepentingannya dalam sistem dan etika pengurusan Islam dan diri sendiri.

Seterusnya kajian oleh Azrin Ibrahim (2015) iaitu Kepentingan Hisbah Dan Amalannya di Malaysia, menjelaskan bahawa perlunya pemahaman, penghayatan dan pengamalan hisbah secara holistik oleh institusi-institusi yang ada pada hari ini agar matlamat hakiki pengurusan secara Islam dapat dicapai. Di samping itu juga, menurut beliau, pengamalan hisbah secara komprehensif dan holistic juga diyakini menjadi wasilah untuk meminimumkan permasalahan yang wujud khususnya di institusi-institusi pembangunan. Ini juga memandangkan hisbah merupakan pewarisan sistem yang pernah menjulang kejayaan dan kegemilangan yang harus dipertahankan walaupun dunia kontemporari kian mencabar dan ancaman untuk memburukkan keadaan umat Islam agar jauh daripada pegagan agama perlu dihindari. Mekanisme sistem hisbah juga memperlengkapkan daya saing dalam pengurusan Islam khususnya hal ehwal Islam dalam kehidupan umat Islam.

Seterusnya kajian oleh Mohd Miqdad Aswad Ahmad ed.al. (2016) pula mengenai Pemerksaan Masjid Melalui Sistem Hisbah iaitu Masjid merupakan sarana alternatif dalam pelaksanaan sistem hisbah dalam merancakkan sistem pengurusan dan pengawasan hal ehwal Islam di Malaysia. Konsep Hisbah masih relevan diaplิกasikan pada masa kini khususnya dalam memperkasakan peranan masjid sebagaimana yang dilaksanakan di zaman kegemilangan Islam. Penstrukturkan organisasi masjid perlu dinilai semula bagi memastikan ianya mampu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai salah satu institusi hisbah di Malaysia.

Manakala Muhammad Syakir Abu Bakar (2017) *Implementation Hisbah in Malaysia In The Present, Development And Obstacles*, membincangkan institusi hisbah mengalami kemunduran dan kehilangan fungsinya dan ia perlu diberi perhatian yang serius kerana kegagalan melakasankannya akan mengundang kepada pelbagai natijah buruk yang akan menimpa umat Islam keseluruhannya. Dan juga bagi keadaan di Malaysia pula, kajian ini menyatakan bahawa perkembangan pelaksanaan institusi hisbah di Malaysia perlu diperkasakan dan diperkuuhkan dengan menggunakan platform yang sedia ada serta bersinergi antara satu dengan lain agar menjadi agen atau badan Pencegahan segala kemungkaran disamping menganjurkan kebaikan sebanyak mungkin. Kajian ini bersifat umum dan perlu kepada kajian lanjutan dan terperinci.

Manakala kajian berikutnya pula oleh Abdul Qahhar Ibrahim ed.al. (2017), iaitu Konsep Hisbah Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam MAIS Dan JAIS Di Negeri Selangor Darul Ehsan, membincangkan konsep hisbah dan pengurusan hal ehwal Islam (PHEI) di Selangor meninjau elemen-elemen dalam pelaksanaan konsep hisbah di institusi Islam. Dan juga untuk memastikan pengurusan hal ehwal Islam yang berdaya maju dan berkesan, amat penting bagi

menjana kemajuan masyarakat Islam perlu memperlihat pendekatan dan strategi yang kukuh dan mantap iaitu antara sistem hisbah yang pernah dipraktikkan zaman kegemilangan Islam terdahulu. Justeru, untuk mencapai al-Falah bagi kebahagian dunia dan akhirat.

Dengan perbincangan mengenai sorotan kajian terdahulu, dan pemaparan sebelumnya menunjukkan tidak terdapat kajian mengenai amalan hisbah dalam pengurusan akidah di Malaysia. Maka adalah satu keperluan untuk melakukan kajian lanjutan untuk memperincikan dan memperluaskan khazanah tradisi keilmuan khususnya penyelidikan mengenai amalan hisbah di Malaysia khusnya terhadap pengurusan akidah di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini melibatkan kerja lapangan (*field work*) dan kajian perpustakaan (*library research*). Gabungan kedua-dua elemen tersebut digunakan bagi menjayakan penulisan makalah ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif iaitu melalui pengumpulan data secara dokumentasi berdasarkan instrumen temu bual dan pemerhatian. Instrumen temu bual tersebut bersifat semi struktur, walaupun kajian ini mempunyai satu set soalan yang telah dibina, namun ia bebas untuk mengemukakan soalan-soalan tambahan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung tajuk kajian. Tatacara analisis pula menggunakan pendekatan deskriptif, iaitu setiap data dianalisis secara penjelasan dan penghuraian. Temu bual merupakan salah satu keadah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respons yang dihajati daripada responden atau peserta serta informan. Menurut Noraini Idris (2013), bagi menghuraikan kaedah temu bual sebagai satu kaedah yang membolehkan penyelidik mengakses perspektif responden atau informan. Dan juga menurut Punch (1998) dan (2001), setelah mendapatkan maklumat dan informasi dari proses temu bual, makna atau pemahaman yang dibina oleh responden tentang situasi, isu atau kes tertentu dan juga konstruk realiti dunia atau fokus kajian sebagaimana dilihat dan dialami oleh responden atau informan.

Antara untuk mendapatkan data melalui temu bual iaitu:

1. Kategori akademik dan universiti (Prof. Dr Irwan Mohd Subri), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
2. Kategori akademik dan universiti (Prof. Madya Dr Jasni Sulong), Universiti Sains Malaysia (USM).
3. Kategori Pakar & Panel bidang Akidah (Prof. Madya Mohd Fauzi bin Hamat) Universiti Malaya (UM).
4. Kategori NGO,), Ustaz Muhammad Bin Ismail (Ahli Jawatankuasa Pusat Badan Bukan Kerajaan (ISMA).
5. Kategori Institusi dan agensi Islam Dr Zamihan Md Zin, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam perbincangan dan perkongsian serta perumusan dari hasil temubual terdapat beberapa tema yang dibincangkan dalam penulisan ini iaitu:

1. Pengurusan Akidah
2. Al-Hisbah (konsep dan amalannya)
3. Hubungkait mengenai isu semasa iaitu pandemik dan covid 19 yang dirumuskan melalui kajian ini.

## Kerangka Teori



**Rajah 1: Gambaran dimensi amalan hisbah dan pemakaian dalam urus tadbir hal ehwal Islam di Malaysia**

Penulis seterusnya membincangkan konseptual atau kerangka teori dalam penulisan makalah ini agar dapat memberi penjelasan mengenai tema dan topik yang diutarakan seterusnya. Ini kerana teras dan prinsip pengurusan Islam meliputi mengelola, mengurus, memantau serta menghasilkan tindakan yang memberi manfaat kepada institusi serta khidmat yang diberikan kepada kerajaan dan juga rakyat. Walaupun secara umumnya telah diamalkan dalam sejarah Islam, akan tetapi ia dijenamakan dalam zaman mutakhir ini selari dengan tuntutan mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Dengan adanya bidangkuasa dan tabdir urus hal ehwal Islam oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai penyelaras atau urus setia bagi peringkat persekutuan dan kerjasama strategik dengan agensi Islam serta organisasi Islam di negeri-negeri Malaysia. Hal ini selari dengan punca kuasa Perlembagaan Persekutuan dalam menjaga dan memelihara hal ehwal Islam termasuk pengurusan akidah agar tetap kukuh pegangan umat Islam di Malaysia. Tidak dinafikan berlaku beberapa isu akidah seperti konsep Qada' dan Qadar dalam mengharungi musibah Covid-19 dan pandemik diseluruh negara Malaysia.

Sehubungan dengan itu dalam kerangka teori dan konsep kajian ini dipaparkan melalui proses konsep dan praktikal al-hisbah iaitu mengajak kepada kebaikan seperti polisi dan perintah berkaitan dengan kemaslahatan pengawalan, pemantauan dan pencegagan pendemik wabak Covid-19 termasuk isu-isu akidah dan pemikiran semasa. Manakala pelaksanaan dari pihak kerajaan dan seluruhnya yang berkaitan perancangan, pengurusan, pentadbiran dan pengukuhan melalui kaedah syura atau perbincangan, kerjasama atau takaful dan yang lebih utama menjaga kepentingan hukum dan umat Islam melalui maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa dan sebagainya.

## Perbincangan

Pengurusan dan pentadbiran dalam Islam, ialah penyempurnaan amanah yang diterima oleh manusia daripada Allah SWT sebagai hamba dan khalifah-Nya di bumi, untuk mengerjakan amal saleh secara syura dalam organisasi. Tujuan pengurusan dan pentadbiran ialah untuk membina peradaban yang direndai Allah berlandaskan ajaran Tauhid; dengan itu pengurusan dan pentadbiran bertanggungjawab menghapuskan al-Fasad untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan juga dalam masyarakat. Dan juga matlamat pengurusan dan pentadbiran ialah mencapai *al-Falah*. Kewujudan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau ringkasnya JAKIM dalam jentera pentadbiran agama Islam negara mempunyai peranannya yang tersendiri. Kaitannya dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sangat signifikan terutama sekali memastikan semua urusan berkaitan Islam ditadbir, diurus, diperkuuhkan secara cekap dan berkesan bagi menjamin kesucian dan kemurnian ajaran Islam dijaga serta keharmonian

kepelbagaiannya masyarakat di Malaysia dapat dipelihara. Sebagai sebuah agensi pengurusan hal ehwal Islam pengurusan di peringkat kerajaan Persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI), maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut (Laporan Tahun 2019):

1. Penggubalan dan Penyeragaman Undang-undang syarak
2. Penyelarasan Pentadbiran Islam
3. Penyelarasan dan Pembangunan Islam

Dalam urus tadbir hal ehwal Islam, ternyata akidah menjadi tonggak untuk kestabilan dan kelangsungan Islam sebagai rasmi Persekutuan dan sebagai bentang bagi umat Islam keseluruhannya. Jika tidak, umat Islam di Malaysia akan terdedah dan terancam dengan pengaruh-pengaruh yang boleh memecah belahkan umat Islam di Malaysia serta meruntuhkan institusi Islam yang telah lama dipertahankan oleh kerajaan. Namun, tidak dinafikan pasti ada kelemahan dan kekurangan dalam mengurus dan menyelaras hal ehwal Islam disebabkan dengan beberapa kekangan dan cabaran yang sentiasa mendarat. (Abu Bakar, 2016). Justeru, penambahbaikan dari semasa ke semasa akan memberi peluang untuk menjadikan pentadbiran agama Islam lebih baik dan seiring dengan tuntutan semasa dalam mendepani isu dan pemikiran semasa khususnya dalam mendepani isu-isu yang menyentuh pegangan akidah umat Islam di Malaysia. Antaranya melalui adaptasi konsep pengurusan moden yang diasaskan kepada perancangan (planning), penyusunan (organizing), pengaruh (influence) dan pengawalan (controlling) dan sebagainya. Apa yang pasti, pendekatan dalam pengurusan termasuklah yang bersesuaian dalam pengurusan akidah antaranya perancangan, pengorganisasian atau penyusunan, pemimpinan atau pengarahan dan pengawalan (Burey, 1981). Dan juga menurut Stoner et.al. 1989). Manakala menurut (al-Dahayan, 1991) dan juga (Ismail, 1996). Ini juga disokong oleh pengkaji-pengkaji lain menurut mereka elemen-elemen tersebut merupakan elemen utama kejayaan pengurusan dalam sesebuah organisasi. Menurut Mohd Radhi Ibrahim (2013), beberapa kaedah dan pendekatan dalam pengurusan akidah untuk memantapkan lagi jalinan dan kerjasama yang membolehkan penyatuan dan keseragaman yang seboleh mungkin yang dilakukan.

Menurut al-Abidi dan al-Sayyabi (2010) menjelaskan bahawanya prinsip dan dasar pengurusan, pentadbiran Islam berasaskan kepada dua dalil Naqli yang secara umumnya menerangkan tentang prinsip asas sistem yang berkualiti. Dan juga berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لَّيَتَفَقَّهُوْ  
فِي الدِّينِ وَلَيُنَذِّرُوْا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوْا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُوْنَ

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)”

(Surah At-Taubah 9: 122)

Seterusnya penulis membincangkan realiti, dapatan dan analisis kajian iaitu amalan potensi amalan hisbah dan peranan institusi Islam dalam mendepani pandemik dan Covid-19 di Malaysia. Peranan dan sumbangan keseragaman dan kerjasama institusi Islam yang berautoriti seperti JAKIM sebagai urus setia dan penyelaras dan bidang kuasa negeri mengadaptasi amalan hisbah sebagai wadah dan pendekatan dalam menangani dan mendepani pandemik khususnya memberi nasihat dan garis panduan dalam aspek ajaran Islam seperti, pencegahan, pengawalan, takdir, ikhtiar dalam berhadapan dengan pelbagai ujian dan cabaran.

Amalah Hisbah memang mencatat kejayaan yang besar dalam mengangkat martabat umat Islam. Justeru rahsia dan kejayaannya tidak lain daripada ia berpandukan kepada prinsip sejagat dan nilai-nilai universal yang boleh diterima pakai pada semua keadaan dan tempat dalam ruang lingkup yang senada dengan tuntutan *siasah syar'iyyah*. Oleh itu. Hisbah mempunyai potensi yang cukup besar dalam pelaksanaannya yang beradaptasi dengan keperluan peredaran zaman dan keperluan persekitaran tanpa menggoda jati dirinya. (Auni Abdullah, 2014). Maka amat sesuai dan bertepatan dengan kajian ini mengangkat perbincangan iaitu amalan hisbah perlu diperluaskan termasuk pengurusan akidah yang diperkuuhkan dan diperkasakan agar kewibawaan agama Islam akan tetap dijunjung oleh seluruh umat Islam.

### **Dapatan Kajian**

Walaupun punca kuasa terhad yang diperuntukkan kepada JAKIM sebagai penyelaras atau urus setia bagi hal ehwal Islam termasuk kemaslahatan ketika pandemik, peranan dan sumbangan untuk mengetuai agensi Islam atau institusi Islam di peringkat nasional amat diperlukan bagi penyelaras. Namun demikian, punca kuasa negeri-negeri di Malaysia tetap menjadi keutamaan kerana ia termaktub dalam undang-undang tubuh negeri masing-masing di Malaysia. Maka suatu pendekatan dan strategi pintar perlu berkesinambungan dalam mendepani pengurusan akidah termasuk isu-isu akidah dan pemikiran semasa yang mungkin menggugat pegangan umat Islam dalam memahami ujian, cabaran dan musibah di masa pandemik ditangani aspek keyakinan dan kepercayaan terhadap takdir serta usaha-usaha manusiawi.

Dengan kerjasama kepakaran masing-masing seperti institusi agama Islam di negeri-negeri menyampaikan maklumat dan pemahaman dalam mendepani pandemik dan Covid-19 dalam aspek keagamaan termasuk pencegahan dan pengubatan serta yang lain.

Selain dari itu usaha-usaha pihak berwajib iaitu pihak kerajaan dan lain-lain, garis panduan, prosedur yang disepakati dalam hal ehwal Islam khususnya aspek akidah jika diberi penekanan oleh JAKIM, JAIN JMN dan sebagainya. Ini dilakukan agar masyarakat Islam dan lain-lain dapat bersama-sama mendepani wabak Covid-19 dan pandemik dengan hikmah dan bijaksana. Garis panduan dan SOP diperkenalkan dan dilaksanakan secara bertahap dan menyeluruh. Walaupun tidak dapat dinafikan berlaku ketirisan dan ketidakpatuhan sebahagian pihak yang melanggar serta menyebabkan polemik di kalangan rakyat dan pemerintah.

### **Peranan dan Sumbangan JAKIM dan Agensi Islam Dalam Pengurusan Akidah di masa Pendemik dan Wabak Covid 19**

Dengan amalan Hisbah sebagai platform pengurusan dan pengawalan bahkan pengukuhan termasuk pegangan akidah umat Islam sebagai amanah bersama-sama ada disebut sebagai ulil amri (pemerintah) menyelaras urus tadbir hal ehwal Islam umat Islam di Malaysia dengan lebih teratur dan holistik. Ini dilakukan sebagai pendekatan agar tiada ketirisan atau ancaman penyelewangan dan kesesatan akidah umat Islam di Malaysia (Mohammad Ismail, 2018).

Hubungan pengamalan Hisbah dalam mendepani pengukuhan pegangan akidah melalui mengajak yang makruf dan mencegah yang mungkar. Institusi Islam rasmi peringkat persekutuan dan negeri adalah organisasi rasmi dan berautoriti untuk memperkasakan dan mempertahankan pegangan agama Islam di Malaysia selari dengan perundangan dan bidang kuasa di Malaysia dalam urus tadbir hal ehwal Islam. Seterusnya apabila menyangkut mengenai pegangan akidah umat Islam apabila berlaku musibah seperti suasana semasa iaitu pendemik dan wabak penyakit Covid-19, maka perlu pegangan agama termasuk akidah perlu diperkuuhkan bagi memberi nasihat, bimbangan dan penyelesaian dalam menerapkan konsep dan amalan ikhtiar, usaha, pencegahan dan pengubatan, doa dan tawakal kepada Allah SWT. Di sampingkan berusaha dengan ikhtiar manusiawi melalui perubatan moden. Dengan ada kajian ini, melihat pengamalan Hisbah sebagai pendekatan bagi mengawasi, memantau dan mencegah isu akidah dan pemikiran semasa yang bertentangan dan bercanggahan dengan pegangan akidah umat Islam di Malaysia dimurnikan dengan prinsip ahli sunnah wal jamaah.

Pendekatan hisbah dalam pengurusan akidah dalam mendepani wabak Covid-19 mengajak umat Islam meyakini dan mempercayai bahawa segala ketentuan datang dari Allah SWT. Pendekatan hisbah tidak secara langsung iaitu mengajak kebaikan dan mencegah kemungkar daripada apa yang berlaku di atas musibah dan wabak ini adalah hikmah dari Allah SWT. Hubungan dengan pendekatan amalan hisbah dari pengurusan Islam melalui institusi Islam seperti JAKIM dan agensi Islam negeri dapat membantu secara holistik kerjasama pintar dan strategik dengan pemerintah untuk mendepani cabaran seperti wabak Covid-19 terutama pegangan akidah umat Islam di Malaysia. Aplikasi pelaksanaan hisbah menjadi satu mekanisme sebagai badan pengawasan demi mencapai matlamat amar makruf nahi mungkar (Ibrahim, 2014). Aspek hisbah dilihat sebagai satu unsur yang amat penting dan relevan dalam memastikan sesuatu amalan pengurusan Islam dalam sesebuah organisasi itu berjalan pada asas yang benar dan bersesuaian kehendak ajaran Islam yang sebenar (Ibrahim, 2018). Amalan Hisbah mampu mewujudkan benteng keutuhan dan memelihara akidah Islam melalui peranan masing-masing termasuk pengamalan hisbah iaitu al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-mungkar (Ibrahim, 2014). Pengamalan dan pelaksanaan hisbah juga atas kecaknaan agensi, institusi dan organisasi dapat membantu pemerintah atau kerajaan dalam urus tadbir hal ehwal Islam termasuk pengurusan akidah di Malaysia. Apa yang pasti, dengan adalah institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri (JMN) dan agensi Islam sama ada dibawah kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) atau badan bukan kerajaan (NGO), dalam membantu, mengukuhkan dan memperkasakan aspek akidah dalam mendepani isu dan wabak Covid-19. Dengan kerjasama startegik bagi membantu juga pengawalan dan pengawasan terhadap pegangan umat Islam terhadap pengurusan wabak akan dirujuk kepada saranan ulama bagi memastikan wabak ini dapat ditangani dengan baik dan bijaksana. Pelbagai pendekatan yang dilakukan oleh institusi Islam seperti bidang fatwa (akidah), garis panduan, dan sebagainya dalam rangka bagi memberi sokongan, nasihat dan motivasi terhadap pegangan umat Islam terhadap musibah dan cabaran pendemik akibat wabak Covid-19 (Jasni Sulong, 2021).

Dengan adanya kerjasama semua pihak dalam mengawal dan mencegah penularan wabak penyakit kerjasama antara kerajaan dan seluruh rakyat agar patuh kepada peraturan dan penguatkuasaan demi menjaga kemaslahatan yang lebih utama iaitu termasuk hifz-nafs (menjaga nyawa) selain daripada hifz ad-diin (menjaga agama). Pihak berautoriti seperti Majlis Fatwa Kebangsaan (MKI) telah merujuk pakar dan mengeluarkan garis panduan, fatwa dan sebagainya. Ini kerana JAKIM sebagai penyelaras hal ehwal Islam peringkat persekutuan hanya

mengetuai negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa termasuk akta, enekmen dan ordinan masing-masing dalam mendepani isu akidah dan pemikiran semasa di dalam pengurusan akidah di Malaysia (Jasni Sulong, 2021). Dalam satu riwayat bersandarkan hadis mengenai Sayyidatina Aisyah RA yang bertanya mengenai wabak taun.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Ia azab Allah SWT yang diutuskan kepada sesiapa dikehendaki dan Allah SWT menjadikannya rahmat kepada orang yang beriman.*


(HR Bukhari)”.

Menurut Setiausaha Agung Pertubuhan Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (ISLAMI), Syed Shahridzan Syed Mohamed, berkata berdasarkan hadis itu, Rasulullah SAW menghuraikan wabak berbahaya itu datang dengan dua kemungkinan ([www.bh.com.my](http://www.bh.com.my)). “Ia boleh jadi azab daripada Allah SWT atau rahmat-Nya”. Namun, kita perlu meyakini tidak kira apa tujuan Tuhan menurunkan wabak.

Ikhtiar atau usaha pencegahan daripada pihak kerajaan dan sebagainya dilakukan melalui beberapa kaedah, strategi dan pendekatan agar keselamatan dan kesejahteraan di dalam masa pandemik semasa dapat dilakukan dengan kerjasama semua pihak. Biarpun pandangan terhadap pengambilan vaksinasi menimbulkan pelbagai pandangan dari sudut agama yang selanjutnya mencetuskan satu polemik. Namun, pengambilan vaksin dilihat merupakan satu kaedah mengurangkan penularan wabak Covid-19. Dengan ada saranan JAKIM sebagai penyelaras hal ehwal Islam di Malaysia serta dibantu oleh Institusi Islam negeri-negeri di Malaysia, mesyuarat khas Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam memutuskan penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang berisiko dan pihak kerajaan. Selain dari Malaysia, institusi fatwa dunia lain turut menfatwakan keharusan penggunaan vaksin, antaranya Institusi terkemuka al-Azhar al-Sharif, Majlis Fatwa Kerajaan Emiriah Arab Bersatu, dan Majma’ Fuqaha al-Shariah Amerika Syarikat. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021). Jelasnya, amalan hisbah medium atau pendekatan yang dilihat sebagai satu platform dalam mendepani pengurusan akidah secara holistik iaitu mengajak kebaikan dan mencegak kemungkar. *Doktrin Sadd al-Dhara'i*” (Wan Hassan, 2014) sesuai diaplikasikan dalam usaha membendung gejala-gejala yang memudaratkan pegangan akidah dengan merujuk dalam al-Quran, hadis Rasulullah, atsar al-sahabah dan tabi'in dan juga fatwa-fatwa mutakhir berkaitan dengan wabak Covid-19 serta penyelesaiannya. Pada masa kini, badan agama yang bertanggungjawab dalam urusan agama Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti Negeri di Malaysia bekerjasama dalam mengukuhkan keyakinan dan pegangan umat Islam dalam mendepani isu-isu yang berkait wabak penyakit Covid-19.

Kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh pihak kerajaan Malaysia bagi penyelaras dan pengurusan hal ehwal Islam pada peringkat persekutuan, dengan rakan strategiknya ialah gabungan usaha dan tenaga dari semua agensi agama pelaksana di peringkat negeri dan agensi-agensi lain (JAKIM, 2015) Ini kerana kerjasama bersepadu dari pihak JAKIM dan sebagainya dapat mendepani situasi semasa yang kompleks dan mencabar. Menurut mantan ketua pengarah JAKIM Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha, menyatakan bahawa tugas yang besar dipikul oleh JAKIM adalah dari perkara sekecil-kecil sehingga besar sebesar-besar yang menyentuh hal ehwal agama Islam. (Daud O. M., 2018). Bersama agensi agama Islam negeri-negeri di Malaysia, JAKIM bukan hanya sekadar menjaga pembangunan fizikal seperti projek pembangunan semata-mata tetapi juga menjaga akidah dan syariat umat Islam secara bersama.

Seterusnya penulis membincangkan realiti, dapatan dan analisis kajian iaitu amalan potensi amalan hisbah dan peranan institusi Islam dalam mendepani pandemik dan covid-19 di Malaysia. Peranan dan sumbangan keseragaman dan kerjasama institusi Islam yang berautoriti seperti JAKIM sebagai urus setia dan penyelaras dan bidang kuasa negeri mengadaptasi amalan hisbah sebagai wadah dan pendekatan dalam menangani dan mendepani pandemik khususnya memberi nasihat dan garis panduan dalam aspek ajaran Islam seperti, pencegahan, pengawalan, takdir, ikhtiar dalam berhadapan dengan pelbagai ujian dan cabaran.



**Rajah 2. Analisis Susur Galur Model Pengurusan Akidah Melalui Pendekatan al-Hisbah Dalam Mendepani Isu Akidah di masa Pandemik dan Wabak Covid 19 di Malaysia**

Wabak Covid-19 atau dikenali juga sebagai SARS-CoV-2 merupakan penyakit yang menyerang sistem pernafasan baru-baru ini mencetuskan fenomena panik di peringkat global. Pada 11 Mac 2020 Kesatuan Kesihatan Dunia (*World Health Organization* atau WHO) pada awal tahun 2020 telah mengumumkan penularan wabak ini sebagai satu pandemik yang memerlukan tindakan drastik di seluruh dunia. Pandemik yang bermula di China ini telah mencetuskan kepada gelombang pandemik ini telah menimbulkan pelbagai respon masyarakat di samping persoalan khususnya dalam soal ‘perbuatan Tuhan’ (Badhrulhisham, Dzulkarnian, 2020), malah ada yang mengatakan sebaliknya seperti teori konspirasi dan sebagainya. Di Malaysia, kluster yang bersangkutan dengan agama Islam merupakan antara kluster penularan wabak ini. Sememangnya ulama dan ilmuan Islam menjelaskan bahawa wabak COVID-19 merupakan ketentuan dari Allah SWT, dan dalam masa yang sama mereka tidak menafikan peranan dan usaha manusia sebagai makhluk dan khalifah di muka bumi yang diberikan akal fikiran dan ikhtiar manusiawi dalam menghadapi pandemik ini. Kekuatan pegangan teguh kepada akidah yang benar serta panduan daripada al-Quran dan al-Sunnah serta kesepakatan ulama dalam memberi panduan dalam mendepani pandemik dan wabak ini dengan kesabaran dan bersangka baik serta pasti ada hikmah disebaliknya. Ini kerana, akidah merupakan asas kepada kepercayaan seseorang Muslim. Ia menjadi simpulan, ikatan dan pegangan kuat yang diyakini dalam hati. Ini bermaksud kepercayaan yang jitu dan pasti tanpa sebarang keraguan berdasarkan pertimbangan dalil yang benar sehingga mencapai tahap (al-Khin, 1996) keyakinan yang mutlak.

Asas akidah ini terbina berdasarkan swadaya prinsip kepada rukun iman yang meliputi kepercayaan kepada Allah, Rasul, Malaikat, Kitab dan qada’ dan qadar serta hari kiamat. Keutuhan akidah pula terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran (‘aql), daya memilih (iradah) dan perasaan (wujdan). Doktrin asasi ini mampu membentuk dan mencorak

segenap kehidupan mencakupi pemikiran, emosi dan tingkah laku bersandarkan syariat Islam sehingga umat Islam benar-benar-benar tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT.

Antara Beberapa Cadangan Domain dan Unsur Pengukuhan Akidah (MAIS, 2015):

- i. Dipasak; iaitu menanamkan asas akidah yang kukuh yang melibatkan individu, keluarga, masyarakat dan pemerintahan. Termasuk juga aspek persekitaran, sosial, ekonomi dan pendidikan.
- ii. Dibentuk; menerusi kelimuan, kepimpinan dan jalinan kerjasama yang bijak dan sistematis dalam gerak kerja Islam.
- iii. Disubur; menterjemah budaya Islam, akhlak, nilai, etika disetiap lapisan masyarakat dan tamadun dan juga mensasarkan kehidupan berkualiti sama ada luaran maupun dalaman
- iv. Dilindungi; melalui penguatkuasaan undang-undang dan pembasmian elemen perosak akidah dan akhlak.

Kegagalan mengurus akidah dibimbangi akan menyebabkan berlakunya kecelaruan pemikiran serta seterusnya boleh membawa kepada pertembungan fizikal dalam individu, masyarakat, organisasi dan keseluruhannya (Mohd Radhi: 2013). Oleh itu, dicadangkan beberapa hal yang penting termasuk pengurusan akidah, kerana ia merupakan satu keperluan di era globalisasi yang mencabar ini. Pihak kerajaan sangat prihatin dan memberi perhatian kepada kepentingan pegangan akidah Islamiah kerana ia merupakan salah satu kekuatan selain daripada akhlak, ibadah dan syariah. Antaranya pihak JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam Negeri yang sentiada bersinergi dalam menangani pengurusan akidah agar dilihat mencapai kesepakatan serta mengurangkan polemik dan konflik sama ada dalaman dan luaran. Kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh pihak kerajaan Malaysia bagi penyelaras dan pengurusan hal ehwal Islam pada peringkat persekutuan, dengan rakan strategiknya ialah gabungan usaha dan tenaga dari semua agensi agama pelaksana di peringkat negeri dan agensi-agensi lain (JAKIM, 2015) Ini kerana kerjasama bersepakutu dari pihak JAKIM dan sebagainya dapat mendepani situasi semasa yang kompleks dan mencabar. Menurut mantan ketua pengarah JAKIM Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha, menyatakan bahawa tugas yang besar dipikul oleh JAKIM adalah dari perkara sekecil-kecil sehingga besar-besar yang menyentuh hal ehwal agama Islam. (Daud O. M., 2018). Bersama agensi agama Islam negeri-negeri di Malaysia, JAKIM bukan hanya sekadar menjaga pembangunan fizikal seperti projek pembangunan semata-mata tetapi juga menjaga akidah dan syariat umat Islam secara bersama.



**Rajah 3: Kolaborasi mekanisma ‘Konsep Taawun’ Dalam Pengurusan Akidah**

Kewajaran JAKIM, MAIN, JAIN, JMN dan lain-lainnya mengurus isu-isu akidah secara profesional adalah sesuatu yang relevan dengan keperluan dan tuntutan perkembangan semasa, terutama dalam situasi masa kini dalam keadaan masyarakat menghadapi isu dan cabaran yang bersifat luaran dan dalam terutama dalam akidah umat Islam merupakan nadi kepada pegangan dalam kehidupan. Justeru itu, untuk menjadikan agensi Islam sama kerajaan (JAKIM, MAIN, JAIN, JMN) atau NGO berfungsi dengan baik dan berwibawa, pengurusan isu-isu akidah tidak wajar dilihat sebagai perkara remeh dan tidak begitu mendesak tetapi sebenarnya ia adalah isu semasa utama bagi JAKIM sebagai institusi yang telah diamanahkan oleh kerajaan Malaysia secara rasmi serta disokong oleh perlombagaan Malaysia yang perlu kaji secara mendalam pada masa kini. Oleh itu, berasaskan perkembangan semasa isu dan cabaran dalam aspek akidah dalam negera, maka pengurusan isu-isu akidah akan dilihat secara profesional dan pemerksaananya semakin perlu dibincangkan dan diwacanakan secara serius supaya agensi Islam sama kerajaan (JAKIM, MAIN, JAIN, JMN) atau NGO dalam hal ehwal Islam akan dilihat benar-benar berfungsi dan erti kata sebenarnya dan diiktiraf sebagai penyelaras kepada pengurusan isu-isu akidah peringkat nasional serta melahirkan kekuatan yang seutuhnya kepada umat sejagat di Malaysia. Strategi dan pendekatan yang disebut sebagai smartpartnership atau sinergi antara ke semua agensi Islam (pemerintah) atau pun NGO (swasta) dalam mengukuhkan dan memperkasakan akidah Islam daripada ancaman dan cabaran sama luaran maupun dalaman. Kertar kerja ini sekadar membuka ruang untuk kajian lanjutan mengenai usaha-usaha menambahbaikan aspek pengurusan akidah yang berimpak kepada satu cadangan model pengurusan akidah yang holistik dan komprehensif melalui konsep dan sistem seperti Hisbah dan sebagainya agar membentuk pertahanan dan benteng daripada sebarang penyelewengan, pepecahan dan perbalahan umat Islam di Malaysia.

Terdapat juga isu berkenaan pelaksanaan PKP dengan ibadah solat, penjaraan sosial, istilah takut covid 19 atau takut Allah, konsep tawakal seperti ikhtiar vaksinasi dan sebagainya. Bahkan kes bunuh diri yang berlaku serta isu-isu melibatkan urusan agama seperti akidah pelu dibendung daripada menjadi pepecahana dan perbalahan, Menurut Mohd Mahayaidin (2021), tindakan Kerajaan Malaysia dalam mengawal Covid-19 amat wajar dan selari dengan perspektif siasah syar'yyah. Dan juga tindakan dan polisi kerajaan dalam menangai pandemik Covid-19 menepati asas-asas siasaha syar'yyah terutama berkaitan dengan hal ehwal Islam. Ia juga ada untuk memberi pencerahan dan menjernihkan salahfaham, keraguan dan keyakinan masyarakat Islam terhadap beberapa tindakan kerajaan dalam memerangi, membendung serta menjaga kemaslahatan yang lebih utama berhubungan dengan wabak merbahaya ini.

Keputusan dan polisi kerajaan berhubungan dengan hal tersebut membawa kemaslahatan negara. Walaupun tidak banyak berlaku isu akidah dan pemikiran semasa ketika pandemik dan Covid-19, namun pengurusan akidah tetap harus diambil kira memandangkan ia adalah asas dan prinsip umat Islam dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Manakala konsep al-Hisbah dan amalannya selari dengan tuntutan untuk mencegah, mengawal dan memantau serta penguatkuasaan agar isu akidah dan hal ehwal Islam dapat diperkuatkuarkan.

Walaupun tidak menggunakan secara rasmi amalan hisbah, namun praktik mengajak kebaikan dan mencegah keburukan telah pun selari dengan amalan hisbah yang pernah dilaksanakan dalam sejarah Islam.

## Penutup

Sesungguhnya agensi Islam mempunyai potensi yang baik dan sistematik dalam membentuk keperibadian individu, masyarakat dan pemerintah Islam ketika sistem dan amalan hisbah dipraktikkan secara holistik dan komprehensif sebagaimana pada zaman Rasulullah SAW, Khulafa al-Rasyidin dan Kerajaan-kerajaan Islam terdahulu yang berperanan dan melaksanakan amalan hisbah tersebut. Usaha agensi-agensi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri (JMN) dan sebagainya berusaha mewujudkan benteng keutuhan dan memelihara akidah Islam melalui peranan masing-masing termasuk pengamalan hisbah iaitu *al-amr bi al-makruf wa al-nahi 'an al-mungkar*. Pengamalan dan pelaksanaan hisbah juga atas kecaknaan agensi, institusi dan organisasi dapat membantu pemerintah atau kerajaan dalam urus tadbir hal ehwal Islam termasuk pengurusan akidah di Malaysia agar tetap relevan dengan keadaan semasa walaupun berhadapan dengan pandemik dan wabak Covid-19.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa, kajian ini mendapati ada beberapa kejayaan yang dilakukan oleh institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi Islam diperingkat negeri-negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri (KAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri (JMN) yang telah melaksanakan pengukuhan dan pemerkasaan pengurusan akidah semasa pandemik wabak Covid-19 khususnya isu-isu akidah dan pemikiran semasa. Dengan adanya Garis Panduan seperti polisi dan perintah seperti SOP, PKP dan sebagainya dapat menjadikan rujukan dan pedoman untuk masyarakat Islam peka dan ambil peduli mengenai hal ehwal Islam di masa pandemik Covid-19. Setiap negeri-negeri di Malaysia mempunyai bidang kuasa iaitu ordinan dan enakmen mengenai hal ehwal Islam sinergi dengan pemantapan sebagai wadah amalan al-hisbah sebagai medium mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.

## Rujukan

- Al-Quran dan Terjemahan
- Hadis dan Terjemahan
- ‘Abd Allah Muhammad ‘Abd Allah. 1996. *Wilayat al-Hisbah fi al-Islam*. al-Qahirah: Maktabat al- Syu’ara’
- ‘Abd Karim Zaidan. 1984. *Nizam al-Qada’ fi al-Syariah al- Islamiyyah*. Kaherah.: Maktabah al-Syu’ara’.
- Abu Sin. Ahmad Ibrahim. 1984. *Al-Idarat fi al-Islam*. al-Qahirah: Maktabat al-Wahbah.
- Al-Dahiyan ‘Abd al-Rahman Ibrahim. 1986. *Al-Idarat fi al-Islam*. Jeddah :Dar al-Syuruq.
- Auni Abdullah. 2010. Teras Utama Sistem Pengurusan Islam. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Baharom Kassim (pnyt). 2020. *Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Depan*. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Engku Ahmad Zaki Engu Alwi. 2006. Peranan Akidah Dalam Pembangunan Tamadun Ummah. Prosiding Seminar Tamadun Islam: Tentang Pembagunan Modal Insan. Peringkat Kebangsaan 2006. Menjana Sumber Manusia Ke Arah Kecemerlangan Tamadun Islam Semasa.
- Ibnu Manzur. 1973. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Khaldun 1961. *Muqaddimah*, 1: Beirut: Maktabat al-Madrasat wa Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Idris Othman. 2000. *Pentadbiran Hisbah di Negeri Terengganu Darul Iman*. Terengganu: Bengkel Perdana Hisbah.
- Laporan Tahunan 2019. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Wilayah Persekutuan, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (Diakses atas talian [www.gov.my](http://www.gov.my)).
- Mardzelah Makhsin. 2008. *Hisbah, Sistem Pengurusan Dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Aizam Mas’od. 2015. Ed. Ke 2. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Aizam Mas’od. 2015. *Benteng Iman: Merungkai Isu-Isu Akidah Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Hafiz Mahayaiddin. 2021. *Kawalan Pandemik Covid-19: Menurut Siasah Syar’iyyah*. E Book. Shah Alam: Mohd Hafiz Mahayaiddin. Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Mohd Radhi Ibrahim. 2013. *Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan Muslim*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia.Mohd.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2020. *Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Bab Dalam Buku. Baharom Kassim (pnyt). *Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Depan*. Edisi Pertama. hal. 1-20. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Mohadis Yassin. 2005. *Penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Islam Malaysia: Kajian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, (tesis kedoktoran, Jabatan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.
- Muhammad al-Burey. 1992. Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapha Awang. 2003. *Usaha-usaha Pemurnian Akidah Islam: Analisi khusus terhadap usaha-usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Pemulihan Akidah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Hulu Yam Bharu, Selangor*, (tesis sarjana,

- Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nik Rahim Nik Wajis. 2020. *Covid-19 Dari Sudut Islam dan Kesihatan*. E-book. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Nooraoni Mohd Noor. 2005. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): peranannya dalam pendidikan sosial di Malaysia*, (tesis sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi ke-2. Shah Alam: McGrawHill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Perintah Kawalan Pergerakan Pergerakan. Soalan Lazim (FAQ). Prosedur Operasi Standard (SOP) Umum Aktiviti Keagamaan (12 Mei-7 Jun 2021). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Patton. M.Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Method*. 2<sup>nd</sup> ed. Newbury.London: Sage.
- Punch, K. F. 1998. *Introduction to Social Research Quantitative and Qualitative Approaches*. London: Sage.
- Punch. K. F. 2001. *Developing Effective Research Proposals*. London: Sage.
- Robson. C. 2002. *Real World Research: A Resource for Social Scientists and Practitioner Researcher*. 2<sup>nd</sup>. Oxford: Blackwell.
- Soal Jawab Fiqh Covid 19. 2020: Bersama YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Putrajaya, Wilayah Persekutuan: Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
- Tips Menghadapi Covid-19: Panduan Menurut Perspektif Islam. 2020. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Wan Roslina Wan Daud. 2005. Kesatuan ilmu dan amal dalam konteks pentadbiran beradab: Satu kajian di JAKIM, (Tesis sarjana, Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya).
- Perintah Kawalan Pergerakan Pergerakan. Soalan Lazim (FAQ). Prosedur Operasi Standard (SOP) Umum Aktiviti Keagamaan (12 Mei-7 Jun 2021). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Wan Azhar Wan Ahmad. 2013. Pentadbiran Hal Ehwal Islam. Isu dan Cabaran. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Zamihan. 2018. (Pegawai Agama Hel Ehwal Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)) dalam temubual dengan penyelidik, 13 Febuari 2018 (bersama penyelidik Sophian Bin Rambli pelajar pascasiswazah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).